

Cara Berdakwah Kepada Non Muslim

*Oleh: Fatimah binti Ali**

ABSTRAK

Mengajak orang bukan Islam memeluk Islam adalah antara tugas dakwah kerana non Muslim juga berhak untuk menganut Islam sebagai satu-satunya agama yang benar di sisi Allah. Jadi mereka merupakan sasaran dakwah. Pendakwah perlu mengenalpasti persepsi atau tanggapan salah orang bukan Islam tentang Islam dan memperbetulkannya untuk menjinakkan mereka kepada agama Islam yang suci ini. Selain itu pendekatan-pendekatan yang sesuai juga patut dilakukan dalam usaha mempengaruhi non Muslim menerima Islam.

1. PENDAHULUAN

Islam adalah agama Allah s.w.t pencipta insan untuk seluruh alam. Ia merupakan suatu cara hidup yang lengkap meliputi pengisian bagi keperluan jasmani dan rohani serta persediaan untuk menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Islam juga agama untuk seluruh manusia; bukan agama untuk bangsa Arab atau bangsa Melayu sahaja. Manusia berasal daripada satu keturunan iaitu daripada Adam dan Hawa. Hak untuk menjalani cara hidup Islam adalah hak semua. Oleh itu semua manusia perlu didakwahkan. Orang Islam yang baik perlu didakwahkan agar terus berkeadaan baik dan menjadi contoh teladan kepada yang lain. Orang Islam yang terpesong pula perlu didakwahkan agar kembali ke pangkal jalan. Orang bukan Islam perlu diajak untuk mengenali, menerima dan memeluk Islam yang boleh menyelamatkan mereka dalam hidup di dunia dan di akhirat. Islam adalah risalah penutup kepada semua risalah langit (Risalah Allah). Risalah-risalah yang diturunkan oleh Allah telah diakhiri dengan Islam. Jadi Islam adalah satu-satunya agama yang ada iaitu agama Allah dan syariatNya. Manusia wajib mengikuti apa sahaja agama yang diredai Allah dan meninggalkan apa sahaja

* Fatimah binti Ali, MA, Ketua Jabatan Al-Dakwah Wal Qiadah, KIAS, Nilam Puri, Kelantan.

yang dihapuskan oleh Allah kerana tarikh kesesuaiannya telah luput dan peranannya telahpun habis.

2. DEFINISI DAKWAH

Da'wah berasal daripada perkataan (دعاه إلى الشيء) ertinya 'menyerunya kepada sesuatu' maksudnya menggalakkannya atau memandunya melakukan sesuatu.

Kadang-kadang dakwah bererti:

- (1) (السؤال) iaitu meminta atau memohon seperti dalam ayat berikut (قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا...) ¹ maksudnya: "Mohonlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada Kami ..." maksudnya tanyalah dia.
- (2) (الاستغاثة) yang bererti meminta tolong, contoh dalam ayat (وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا) ² (إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ) ³ maksudnya: "Berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya" ³.

Walau bagaimanapun lafaz da'wah (dakwah) perlu disandarkan kepada perkataan Allah iaitu (الله سبحانه) seperti disebut (الدعوة إلى الله) iaitu dakwah kepada Allah. Ia menyempurnakan makna perkataan dan menjelaskan skopnya.⁴

3. MAKSUD DAKWAH KEPADA ALLAH

Dakwah kepada Allah ialah seruan supaya beriman kepada Allah s.w. dan kepada apa yang dibawa oleh para rasulNya; dengan cara mengakui kebenaran perkara-perkara yang dibawa oleh mereka serta mentaati suruhan dan larangan mereka.

¹ Surah al-Baqarah: 68.

² Surah al-A'raf: 56

³ Dr 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, (1993), *Fiqh al-Da'wah ila Allah*, Dar al-Wafa' li al-Nasyr wa al-Tawzi', al-Mansurah, juzu' 1, h. 16.

⁴ *Ibid.*

Oleh kerana Islam merupakan agama Allah yang terakhir; agama penyudah yang paling sempurna, maka dakwah kepada Allah bermaksud mengajak orang memeluk agama Islam dan mengamal segala apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai wahyu daripada Tuhannya. Allah berfirman:

5
لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: "Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji".

Allah memelihara rasul-rasulnya dan Nabi Muhammad s.a.w. daripada mereka-reka kata-kata Allah walaupun sedikit. Allah berfirman:

فَلَا أَقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾ وَمَا لَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾ وَمَاهُوَ يَقُولُ شَاعِرٌ قَلِيلًا مَّا تُوْمَنُونَ ﴿٤١﴾ وَلَا يَقُولُ كَاهِنٌ قَلِيلًا مَّا نَذْكَرُونَ ﴿٤٢﴾ نَزِيلٌ مِّنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾ وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضُ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾ لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾ فَمَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya: Maka Aku bersumpah: Demi segala (yang nyata) yang kamu melihatnya, dan Segala (yang ghaib) Yang kamu tidak melihatnya, bahawa sesungguhnya al-Quran itu ialah (wahyu dari kami) yang disampaikan oleh rasul yang mulia dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan, tetapi) amatlah sedikit kamu beriman, dan juga bukanlah al-Quran itu perkataan seorang pawang (sebagaimana yang kamu katakan, tetapi) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. Kalaulah (Nabi Muhammad Yang menyampaikan al-Quran itu) mengatakan atas nama kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan - sudah tentu kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan kami, - kemudian sudah tentu kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya ia mati dengan serta-merta); maka

⁵ Surah Fussilat: 42.

tidak ada seorangpun di antara kamu Yang dapat menghalang (tindakan kami itu) daripada menyimpannya.

Dakwah kepada Allah atau dakwah kepada Agama Islam wajib ditujukan kepada seluruh manusia dan pada semua masa dan tempat. Ini kerana tiada agama selepasnya dan tiada kebenaran selainnya. Oleh itu Allah mewajibkan kepada semua rasulNya berdakwah berdasarkan firmanNya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Tiadalah kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)".

Allah mewajibkan kaum muslimin pada semua masa dan tempat supaya menyeru kepada agama Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Allah berfirman:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

⁶ Surah Saba': 28.

⁷ Surah Yusuf: 108.

Dan firmanNya lagi:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّهُمْ مِّنَ اللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾ وَلَا تُطِيعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ وَدَعْ أَذُنَهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya: Wahai Nabi, Sesungguhnya kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi. Dan (dengan itu) sampaikanlah berita yang mengembirakan kepada orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya mereka akan beroleh limpah kurnia yang besar dari Allah. Dan janganlah engkau menurut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafik dan janganlah engkau hiraukan usikan dan celaan mereka, serta berserahlah kepada Allah (memelihara keadaanmu); dan cukuplah Allah menjadi pelindung (yang menyelamatkanmu).

4. TANGGUNGJAWAB MENYEMPURNAKAN KEWAJIPAN BERDAKWAH

Allah s.w.t mengutus rasul dan mewajibkannya menyampaikan dakwah kepada orang ramai. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ ۗ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿١٧﴾

⁸ Surah al-Ahzab: 45-48

⁹ Surah al-Ma'idah: 67.

Maksudnya: *Wahai Rasul Allah! sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.*

FirmanNya lagi:

¹⁰ وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا أَلْبَانُ الْمَيْتِ

Maksudnya: *"Dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah Dengan penjelasan yang terang nyata".*

Melalui ayat-ayat tersebut di atas, Allah memberitahu RasulNya Nabi Muhammad s.a.w. bahawa menyampaikan dakwah adalah wajib. Oleh itu Rasulullah begitu tekun dan bersungguh-sungguh dalam melakukan tugas tersebut. Di Mekah baginda mengajak orang ramai memeluk Islam tanpa mengira kedudukan dan pangkat, bermula dengan ahli keluarganya yang terdekat seperti isterinya Khadijah binti Khuwailid dan sahabat-sahabatnya Abu Bakr, 'Uthman dan 'Ali.

Orang-orang kafir menawarkan harta dan pangkat kepada baginda dengan syarat Rasulullah berhenti daripada berdakwah. Mereka menyakiti Rasulullah dan memusuhinya serta menuduhnya sebagai tukang sihir setelah enggan menerima tawaran mereka. Tetapi baginda tetap bersabar menghadapi ancaman tersebut sehingga kaum muslimin berhijrah ke Madinah.

Di Madinah baginda berjaya mendirikan sebuah kerajaan Islam. Sejak itu usaha para sahabat tertumpu dalam bidang dakwah. Dakwah Islam tersebar luas terutama selepas Perjanjian Hudaibiah.¹¹

¹⁰ Surah al-Nur: 54.

¹¹ Ahmad Ahmad Ghaffush (1979), *al-Da'wah al-Islamiyyah: Usuluha wa Wasa'iluha*, Dar al-Kitab al-Misri, Kaherah, h. 233.

Ulama berbeza pendapat tentang kewajipan berdakwah:

- 1) Golongan pertama berpendapat menyampaikan dakwah wajib ke atas semua individu muslim pada mulanya (فرضت على الجميع ابتداء). Tetapi kefarduan itu gugur jika ada sebahagian muslimin melaksanakannya. Kewajipan itu difahami melalui nas-nas berikut:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ¹²

Maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman), dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik".

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

Ayat di atas bererti: Jadilah kamu satu kumpulan pendakwah yang mengajak orang ramai ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kewajipan ini difahami

¹² Surah Ali 'Imran: 110.

daripada *lam al-amri* yang masuk ke atas *fi'l mudari* (ولتكن). Perkataan (من) dalam ayat (منكم) untuk memberi keterangan, bukan menunjukkan sabahagian. Kalau (من) tersebut menunjukkan separuh sekalipun, *khitab* dalam ayat di atas ditujukan kepada semua umat Islam, menyebabkan penulis terfikir bahawa ada dua kewajipan menyampaikan dakwah; iaitu:

Pertama: Wajib yang menjadi fardu kifayah, seperti kata al-Imam al-Shafi'i "Fardu kifayah menjadi wajib secara umum" (فرض الكفاية يكون واجبا على العموم). Jika tidak ada orang yang menyampaikan dakwah maka semua umat Islam berdosa.

Kedua: Wajib yang khusus kepada orang-orang yang mampu melakukan dakwah.¹³

- 2) Golongan kedua berpendapat bahawa menyampaikan dakwah adalah fardu ain ke atas orang yang mampu sahaja sama seperti ibadat haji dan zakat. Mereka menyokong pendapatnya dengan firman Allah s.w.t:

وَمَا كَانُوا لِيُنتَفِعُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Maksudnya: "Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".

Ayat di atas menunjukkan bahawa menyampaikan dakwah wajib ke atas sekumpulan orang daripada setiap golongan. Ini kerana tidak sepatutnya seluruh orang

¹³ *Ibid*, h. 236.

mukmin keluar ke medan perang, malah sebahagian mereka wajar menuntut ilmu agama dan kemudian melakukan kerja-kerja dakwah. Selain itu jika dakwah diwajibkan ke atas semua umat Islam, nescaya termasuk juga orang yang tidak mampu melakukannya, sedangkan Allah tidak memaksa orang yang tidak mampu (لَا يَكْفِ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وَسْعَهَا). Dari sini jelas bahawa dakwah Islam wajib ke atas orang-orang tertentu sahaja. Mereka ialah orang-orang yang berilmu, ikhlas serta cintakan dakwah. Orang-orang yang tidak dapat membezakan antara yang ma'ruf dengan yang munkar misalnya; tentu mereka tidak mampu berdakwah.¹⁴

5. SASARAN DAKWAH

Para pendakwah juga perlu mengenalpasti sasaran dakwah. Sasaran dakwah ialah semua insan pada semua masa dan tempat. Mereka terdiri daripada beberapa golongan iaitu:

- 1) Golongan yang tidak mempunyai agama. Dr. Ali 'Abd al-Halim Mahmud menganggap orang-orang yang menyembah selain Allah seperti menyembah matahari, haiwan, berhala dan lain-lain sebagai orang yang tidak beragama.
- 2) Penganut-penganut agama lain. Mereka adalah penganut agama-agama Yahudi dan Kristian yang dikenali sebagai *Ahli al-Kitab*. Sekalipun mereka adalah pengikut-pengikut agama *samawi*, tetapi mereka dituntut memeluk agama Islam sebaik sahaja Nabi Muhammad dilantik sebagai Nabi dan rasul Allah melalui penerimaan wahyu. Ini kerana dengan adanya agama Islam Allah menasakhkan semua agama-agama *samawi* yang terdahulu. Allah berfirman:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْنُوبًا عِنْدَهُمْ
فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ

¹⁴ *Ibid*, h. 237.

وَالْأَعْلَلِ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ
وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾ قُلْ
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ ۖ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ
الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ ۚ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: "Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan Dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya. Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah Dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

- 3) Golongan ketiga ialah orang-orang mukmin yang derhaka. Maksudnya golongan yang hati mereka masih beriman kepada Allah, para mala'ikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya dan qada' dan qadarNya. Mereka juga mengakui bahawa tidak ada Tuhan yang layak disembah kecuali Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul Allah. Tetapi syaitan dan hawa nafsu mempengaruhi mereka, menyebabkan mereka menyalahi sebahagian perintah Allah atau melakukan

¹⁵ Surah al-A'raf: 157-158.

sebahagian daripada larangan Allah. Terdapat banyak faktor yang mendorong ke arah melakukan maksiat. Antaranya:

- a) Godaan dan bisikan syaitan yang biasanya disahut oleh orang-orang yang leka. Semua pelaku maksiat daripada kalangan kaum muslimin jahil ketika mereka melakukan maksiat. Ibn Kathir ada memetik pendapat Ibn 'Abbas yang berkata: (من جهالته عمل السوء) maksudnya "Antara yang menunjukkan kejahilannya ialah amalan buruk". Tetapi mereka masih berpeluang bertaubat. Allah berfirman:

إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهَالَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ
فَأُولَٰئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا¹⁶

Maksudnya: "Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

- b) Kelemahan jiwa manusia berhadapan dengan godaan syahawat dan perhiasan hidup dunia serta kelazatan yang segera. Jiwa insan pada umumnya bersifat memerintah (mendorong) melakukan keburukan (أَمَارَةٌ بِالسُّوءِ) kecuali orang yang dirahmati Allah (من رحم ربي).
- c) Lupa Allah, lupa apa yang diperintah dan apa yang dilarangnya. Lupa di sini bererti buat-buat lupa (تناسي). Tidak syak lagi bahawa dia ingat yang halal dan yang haram, tetapi dia buat-buat tidak ingat. Iman boleh bertambah dan berkurang, maksiat boleh mengurangkan iman. Orang yang kurang imannya dia akan meredai maksiat kecuali dia bertaubat kepada Allah selagi peluang masih ada. Pelaku-pelaku dosa (عصاة) daripada kalangan muslimin patut diseru kepada ketaatan; dengan menjauhi larangan Allah dan mematuhi suruhannya. Mereka lebih mudah untuk menjauhkan diri daripada maksiat berbanding orang yang belum beriman.

¹⁶ Surah al-Nisa': 17.

- 4) Orang awam. Mereka terdiri daripada kalangan orang-orang yang taat, orang-orang derhaka dan orang yang mencampuradukkan antara amalan baik dan buruk. Mereka semua patut didakwahkan. Orang-orang yang taat patut diberi motivasi supaya teruskan ketaatannya. Manakala orang derhaka pula wajar didakwahkan agar berhenti daripada melakukan dosa.¹⁷

Di hadapan para pendakwah terdapat salah satu daripada empat jenis orang awam:

- a) Mukmin: Orang yang percaya dengan seruan kita, mengakui kebenaran kata-kata kita, kagum dengan prinsip-prinsip yang kita pegang serta tenang hatinya dengan prinsip itu. Golongan ini perlu diseru untuk bergabung dan bekerjasama dengan kita untuk menambahkan bilangan pendakwah.
- b) Orang yang ragu-ragu (متردد): Orang yang tidak memahami kebenaran, tidak jelas baginya keikhlasan pendakwah dan faedah daripada seruan mereka. Sebab itu dia berkecuali dan ragu-ragu untuk menerima dakwah kita. Golongan ini wajar dilepaskan, biarkan mereka memerhati kita dari jauh, membaca karier kita, menziarahi kelab kita dan mengenali kawan-kawan kita yang akhirnya memungkinkan mereka mempercayai kita *insya' Allah*.
- c) Orang yang suka mengambil kesempatan (نفعي). Mereka ialah orang yang tidak akan membantu kecuali jika mereka mengetahui ada faedah yang akan diperolehinya. Golongan ini wajar dikatakan kepadanya: "Bahawa kami tidak mampu membayar upah kepada kamu kecuali pahala daripada Allah dan syurga jika Allah mengetahui kamu melakukan kebaikan. Kami tidak mampu memberikan kamu pangkat atau harta. Kami mengerbankan apa yang ada di tangan kami untuk mencari keredaan Allah". Jika Allah singkapkan penutup dan hijab tamak daripada hati mereka, baru mereka faham bahawa apa yang ada di sisi Allah lebih baik dan lebih kekal.
- d) Orang yang buruk sangka terhadap pendakwah (متحایل): Golongan ini ragu-ragu dan sangsi terhadap para pendakwah. Mereka memandang

¹⁷ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (1993), *Fiqh al-Da'wah 'Ila Allah*, Dar al-Wafa'li Tabn'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', Mansurah, juzu' 2, h. 945-959.

pendakwah dengan kaca mata hitam. Dalam menghadapi golongan ini pendakwah wajar berdoa semoga memperlihatkan kebenaran untuk mereka dan menjadikan orang yang didakwahkan ingin mengikutinya, semoga Allah memperlihatkan kebatilan itu batil dan pendakwah serta orang yang didakwahkan mahu menjauhinya (اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه). Kita hanya berdoa kepada Allah kerana kita tidak mampu memberi hidayat kepada mereka. Allah berfirman kepada RasulNya yang menghadapi orang seperti ini:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ¹⁸

Ertinya: "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam)".

Para pendakwah sepatutnya menghadapi setiap golongan ini dengan metod yang sesuai dengan mereka dan dengan cara yang bijaksana. Mereka juga patut membantu orang-orang yang didakwahkan. Selain itu mereka tidak sepatutnya berputus asa dalam melakukan kerja-kerja dakwah.¹⁹

6. PERSEPSI PENGANUT AGAMA LAIN TENTANG ISLAM

Banyak perkara yang perlu diketahui oleh para pendakwah tentang pandangan masyarakat bukan Islam di Malaysia tentang Islam dan orang Islam dan orang bukan

¹⁸ Surah al-Qasas: 56.

¹⁹ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, *Op. Cit.*

Islam. Pegetahuan mengenainya sangat berguna kepada pendakwah. Ini kerana dengannya metode yang sesuai untuk dakwah boleh dilakukan dengan sempurna.

Tentang penganut agama lain, berdasarkan keterangan Brother Lim Jooi Soon, dalam ceramahnya di KIAS pada 22.4.2010, terdapat pelbagai persepsi dan tanggapan yang berbeza dengan yang difikirkan oleh para pendakwah yang lahir dalam masyarakat beragama Islam. Penulis berpendapat persepsi-persepsi seperti itu boleh menjadi panduan kepada para pendakwah Islam dalam menyebarkan dakwah kepada sasaran bukan Islam. Antara persepsi itu ialah:

- (1) Di akhirat nanti kemungkinan orang bukan Islam akan mendakwa orang Islam yang bergaul dengan mereka, tetapi tidak pernah menyampaikan agama Islam kepada mereka.

Penulis berpendapat kebanyakan orang Islam kurang berani mengajak orang bukan Islam untuk masuk Islam. Ini kerana mereka menganggap soal agama adalah perkara sensitif. Tambahan pula orang bukan Islam tidak boleh dipaksa untuk masuk Islam berdasarkan ayat 256 Surah al-Baqarah.

- (2) Orang bukan Islam pula dimomokkan dengan pandangan-pandangan negatif terhadap Islam. Contohnya dalam Islam banyak perkara yang tidak boleh dilakukan atau haram. Perkara ini diakui oleh Brother Lim sebagai salah satu persepsi beliau sebelum mengkaji Islam. Tetapi setelah mengkaji Islam tanggapan tersebut ternyata salah. Sebenarnya tidak banyak perkara-perkara yang haram berbanding dengan yang halal. Pengharaman sesuatu benda adalah kerana ia memudaratkan. Contohnya khinzir diharamkan kerana ia boleh membawa penyakit, dulu JE dan sekarang H1N1. Arak haram diminum kerana memabukkan. Orang yang mabuk arak biasanya terdorong melakukan jenayah seperti membunuh, merogol, bergaduh dan lain-lain. Pemandu mabuk menjadi punca kemalangan jalan raya yang menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan.
- (3) Allah berkuasa untuk menjadikan semua manusia beriman sama seperti Allah jadikan malaikat semuanya taat. Tetapi Allah jadikan manusia tidak sama; ada yang lahir dalam keluarga Islam dan ada yang lahir dalam keluarga bukan Islam.

Bagaimanapun Brother Lim berpendapat, sama sahaja antara lahir sebagai orang Islam atau lahir sebagai orang bukan Islam. Ini kerana lahir sebagai seorang Islam tidak semestinya masuk syurga dan lahir sebagai orang bukan Islam pula tidak semestinya masuk neraka. Hal tersebut bergantung kepada iman dan amalan masing-masing.

Bagaimanapun penulis berpendapat orang yang lahir dalam keluarga beriman, dididik dengan teliti untuk menjadi seorang hamba Allah yang taat lebih bertuah berbanding yang lahir dalam keluarga kurang menghayati agama; begitu juga yang lahir dalam keluarga bukan Islam. Namun demikian orang yang lahir dalam keluarga bukan Islam juga mempunyai peluang untuk menjadi orang Islam yang baik jika mereka membuka fikiran dan minda untuk menerima kebenaran serta mendapat hidayah daripada Allah. Tetapi tidak ramai orang yang mendapat peluang seperti itu. Tidak ramai yang mahu dan mampu menyelidik dan membuat perbandingan antara agama yang mereka anuti dengan agama-agama lain.

Selain itu Prof Ab Aziz Mohd Zin ada membincang mengenai Islam pada pandangan orang bukan Islam di Malaysia. Ia adalah hasil kajiselidik beliau yang dilakukan pada pertengahan tahun 1999. Secara ringkasnya orang bukan Islam mempunyai persepsi seperti berikut:

- i. Sangat banyak peraturan dalam Islam.
- ii. Orang Islam banyak terkongkong dengan peraturan yang menyusahkan.
- iii. Agama Islam sama dengan agama-agama lain.
- iv. Tidak dapat menerima apabila Islam membenarkan poligami.
- v. Tidak dapat menerima wanita tidak diberikan kebebasan sepenuhnya untuk memakai pakaian sesuka hati.
- vi. Tidak dapat menerima Islam menghadkan pakaian kaum wanita.
- vii. Tidak dapat menerima Islam menghadkan pilihan terhadap makanan.
- viii. Tidak dapat menerima anjing tidak digalakkan peliharaan.
- ix. Tidak perlu memikirkan tentang agama lain, sudah cukup dengan agama masing-masing.
- x. Sedar bahawa sedikit sahaja yang mereka ketahui mengenai Islam.²⁰

²⁰ Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 220-221.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa sebahagian bukan Islam berpendapat, Islam memaksa pengikutnya melakukan banyak tanggungjawab. Jadi tiada keistimewaan pada Islam pada pendapat mereka, maka tiada apa yang mereka tertarik pada Islam. Oleh itu mereka berpendapat Islam tidak sesuai bagi mereka.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa perkara yang paling tidak disukai oleh bukan Islam ialah:

- i. Islam membolehkan poligami.
- ii. Kebebasan yang terhad dalam Islam. Orang Islam sangat terkongkong dan ketat dengan peraturan.
- iii. Paksaan masuk Islam untuk kahwin dengan orang Islam.
- iv. Pakaian yang terhad bagi wanita.
- v. Kebebasan wanita terhad.
- vi. Keadaan pakaian wanita Islam yang tertutup.
- vii. Sembahyang yang banyak kali, terutama waktu awal pagi.²¹

Penulis berpendapat Islam membolehkan poligami sebagai satu jalan keluar (رخصة). Kaum lelaki dalam masyarakat Jahiliah ketika Nabi Muhammad diutuskan dikatakan bopoligami tanpa had, tertakluk kepada kemampuan masing-masing tanpa apa-apa syarat. Hal tersebut berbeza dengan Islam yang menghadkan bilangan iaitu tidak lebih daripada empat orang, dengan syarat adil sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah s.w.t:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَنْمَىٰ فَإِنْ كُنْتُمْ مَاطَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مِثْلِي
وَتِلْكَ وَرُبْعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُعْدِلُوا فَوَاحِدَةٌ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ
أَلَّا تَعُولُوا²²

Maksudnya: *Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-*

²¹ Ibid.

²² Surah al-Nisa' 3.

perempuan (lain): dua, tiga atau empat, kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Jika difikir secara waras nampak hikmah dibolehkan poligami. Antaranya untuk mengelakkan daripada perceraian yang merupakan perkara halal yang paling dibenci oleh Allah. Antaranya jika isteri sakit, tidak mampu melayan suami, tetapi suami memerlukan layanan, dia tidak terpaksa ceraikan isterinya untuk membolehkannya berkahwin lain; begitu juga jika isteri mandul sedangkan suami mahukan anak daripada zuriatnya sendiri, dia boleh berkahwin lain tanpa menceraikan isterinya jika poligami dibolehkan. Begitu juga persoalan-persoalan lain seperti peraturan berpakaian, sembahyang, soal halal haram dan lain-lain, semua ini mengambil kira muslihat, keselamatan dan kepentingan jasmani dan rohani insan sendiri.

Orang-orang bukan Islam memahami Islam berdasarkan ruang lingkup agama mereka yang sempit, sebagai agama budaya atau ciptaan manusia atau agama samawi yang kemudiannya diubah dan dipinda oleh manusia seperti Yahudi dan Kristian. Untuk mengelakkan daripada salah faham seperti ini para pendakwah patut sentiasa bertukar fikiran dengan non muslim agar mereka dapat memahami keindahan Islam yang sebenarnya.

7. TANGGUNGJAWAB DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM:

Daripada perbualan penulis dengan pihak PERKIM dan ABIM (Islamic Outreach ABIM) yang giat melakukan dakwah kepada bukan Islam yang terdiri daripada kalangan orang-orang asli, mereka sependapat mengatakan bahawa untuk mengajak orang bukan Islam menganut Islam bukanlah sukar. Tetapi bukan senang untuk terus mengajar dan membimbing mereka untuk menjadi orang-orang Islam yang baik. Usaha ini memerlukan tenaga, masa dan perbelanjaan. Oleh itu program-program pelajar universiti atau kolej dimanfaatkan.

Contohnya "Program Anak Angkat". Biasanya dua orang pelajar, seorang lelaki dan seorang perempuan dijadikan anak angkat kepada setiap keluarga orang asli. Anak

angkat lelaki mengimamkan sembahyang berjemaah di samping membantu bapa angkat dalam melakukan kerja-kerja luar rumah. Yang perempuan pula membantu ibu dan adik beradik angkat dalam melakukan solat di samping kerja-kerja dalam rumah. Jadi anak-anak angkat ini menjadi agen dakwah.²³

8. METODOLOGI DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

Dakwah kepada bukan Islam memerlukan metode yang sesuai dan mantap supaya usaha dakwah mendapat tarikan. Langkah pertama yang perlu dilakukan untuk berdakwah kepada bukan Islam ialah cuba memahami dasar-dasar agama mereka, adat-adat kebudayaan termasuk pantang larang. Dengan ini usaha mengetahui perkara-perkara tersebut hendaklah dilakukan sebelum memulakan dakwah. Dalam hal ini mempelajari perbandingan agama sangat perlu. Usaha dakwah tanpa mengetahui dasar-dasar agama dan adat kebudayaan sesuatu kaum akan bercanggah dengan peraturan dakwah yang bukan setakat mungkin tidak menghasilkan kejayaan, tetapi boleh membawa kesan sebaliknya. Daripada kajian-kajian yang dilakukan terhadap dakwah kepada bukan Islam di Malaysia, pendekatan-pendekatan yang sesuai dilakukan adalah sebagaimana berikut:²⁴

i. Dakwah Bi al-Hal:

Maksudnya dakwah bi al-hal dakwah melalui contoh teladan yang baik yang menjadi modul atau contoh teladan kepada kemuliaan dan keagungan Islam. Ia boleh menghilangkan perasaan prejudis dan negatif orang bukan Islam terhadap Islam. Penonjolan contoh teladan yang baik dalam kehidupan harian orang Islam satu perkara penting dalam dakwah. Ini kerana ia boleh memperlihatkan tentang kemuliaan agama Islam yang perlu diikuti oleh semua orang. Contoh teladan yang baik akan mempengaruhi orang lain untuk mengikuti cara hidup yang ditunjukkan.

²³ Temuramah dengan Tuan Haji Abdul Khalik bin Ahmad, Ketua Eksekutif Islamic Outreach ABIM Kok Lanas, pada 20 Mac 2010 di Bilik Mesyuarat KIAS, pada jam 9.00 pagi, di Bilik Mesyuarat KIAS.

²⁴ Ab Aziz Mohd Zin, *Op Cit.*, h. 222.

ii. Pembinaan Hubungan:

Membina hubungan bertujuan untuk melahirkan perasaan jinak, percaya dan terpaut kepada usaha dakwah. Ia juga boleh melenyapkan perasaan curiga dan syak wasangka terhadap agama Islam dan orang Islam. Ia juga boleh memikat hati sasaran. Kepercayaan memainkan peranan yang besar untuk mempengaruhi seseorang. Nabi Muhammad s.a.w mengarahkan orang Islam supaya membina hubungan yang baik dengan penganut agama lain supaya terjalin satu persahabatan yang baik. Dalam dakwah hubungan ini sangat penting kerana ia menjadi lebih senang untuk mempengaruhi sasaran.

iii. Menonjolkan Diri Dengan Ketinggian Status:

Pendekatan ini adalah dengan cara menonjolkan diri supaya dapat dilihat bahawa orang Islam memiliki status yang tinggi dalam kehidupan, sebagai kesan kepada agama Islam yang tinggi dan mulia. Penganut Islam adalah golongan yang berjaya dalam hidup di dunia ini dan hendaklah sentiasa berusaha ke arah itu. Orang-orang Islam bukanlah golongan yang bodoh, jumud, jahil, lemah, pemalas dan hina. Ini kerana kemuliaan dan ketinggian adalah hak orang-orang Islam. Keadaan demikian boleh membawa pengaruh yang besar kepada orang bukan Islam. Kejayaan hidup terutama dari sudut kemajuan ekonomi orang Islam boleh menjadi pendorong kepada orang bukan Islam menerima Islam.

Prof Dr Ab Aziz Mohd Zin memetik penjelasan daripada Prof Dr. Khoo Kay Kim bahawa salah satu faktor utama yang menyulitkan orang Cina di negara ini membuat tanggapan dan penilaian terhadap Islam adalah berpunca daripada kemiskinan hidup sebahagian besar daripada masyarakat Melayu terutama di kawasan luar bandar. Keadaan tersebut difahami bahawa Islam itu adalah agama yang anti kemajuan.²⁵

²⁵ Khoo Kay Kim, Prof (1993), "Pemahaman Imej Islam Di Dunia Moden", *Kefahaman Orang Bukan Islam Tentang Islam*, Siri Bengkel Kefahaman Islam, IKIM, Kuala Lumpur, h. 72.

iv. Memberi Penekanan berhubung Dengan Wahyu Dan Kerasulan:

Penekanan tentang wahyu dan kerasulan (isi dakwah) adalah untuk memberi kefahaman bahawa Islam berasal daripada Allah pencipta alam ini. Keadaannya berbeza dengan agama-agama lain yang punca asalnya tidak menentu, sama ada dari pencipta alam atau pemikiran manusia. Perbincangan mengenai al-Qur'an yang datang dari Allah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikannya hendaklah ditonjolkan; begitu juga tentang keaslian al-Qur'an sampai sekarang. Perbincangan-perbincangan tersebut untuk memperlihatkan bahawa Islam bukan agama manusia, tetapi agama pencipta alam ini.

v. Menolak Kesamaran Dan Silap Faham:

Antara penekanan yang diperlukan ialah berusaha memecahkan persoalan-persoalan negatif terhadap Islam yang sering timbul dalam pemikiran orang bukan Islam. Persoalan-persoalan negatif tersebut menjauhkan orang bukan Islam dengan Islam. Antara kesamaran yang perlu diberikan penjelasan ialah perbezaan antara Melayu dan Islam, konsep keadilan dalam Islam, konsep kebebasan dalam Islam, pakaian dalam Islam, Islam dan kemajuan sains, hukum Islam, sebab-sebab kemunduran orang Islam, Islam untuk seluruh manusia, hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam dan lain-lain.

vi. Menjelaskan Keistimewaan Islam:

Berusaha menjelaskan tentang keistimewaan Islam (isi dakwah) dan keuntungan-keuntungan yang akan didapati melalui Islam. Keadilan, kesejahteraan, persamaan, peluang dalam pencarian penghidupan dan lain-lain dasar dalam Islam perlu ditonjolkan penjelasannya supaya orang bukan Islam berasa tidak rugi dengan mengikuti Islam. Ini kerana antara tanggapan orang bukan Islam sekarang ialah semua agama itu sama sahaja dan tiada apa-apa keuntungan pada Islam. Oleh itu penjelasan tentang kelebihan dan keuntungan yang ada pada Islam boleh mempengaruhi sasaran.

vii. Membuat Perbandingan:

Mengadakan perbandingan antara Islam dengan agama-agama lain yang ada di Malaysia untuk memperlihatkan perbezaan yang besar antara Islam dengan agama-agama lain. Isu perbandingan hendaklah ditekankan dalam hal-hal yang berhubungan dengan kepercayaan, terutama jika diukur dengan logik pemikiran akal. Perbandingan seperti ini untuk memperlihatkan bahawa dasar-dasar akidah dalam Islam sesuai dianuti oleh manusia sekarang kerana ia senang dan mudah difaham.

viii. Mendedah Kepincangan Masyarakat:

Pendedahan kepincangan masyarakat manusia kini (isi dakwah) perlu dibuat untuk dicari jalan penyelesaiannya. Ia bertujuan untuk menonjolkan bahawa Islam paling sesuai untuk dijadikan penyelamat bagi manusia sejagat. Perlu ditonjolkan juga bahawa tiada hubungan antara kepincangan yang terdapat di kalangan orang Islam sekarang dengan agama Islam.

ix. Mengatur Program Khidmat Masyarakat:

Mengatur khidmat masyarakat untuk membantu golongan yang memerlukannya adalah antara aktiviti dakwah kepada non muslim. Khidmat masyarakat boleh memikat sasaran atas khidmat yang diberikan. Banyak khidmat masyarakat yang boleh disumbangkan sekarang, terutamanya kepada golongan yang lemah dan memerlukan.²⁶

9. PENUTUP

Berakwah kepada orang Islam dan berdakwah kepada non muslim, kedua-duanya menjadi tanggungjawab para pendakwah. Orang-orang Islam yang kuat dan taat perlu didampingi untuk terus berada di atas landasan yang lurus dan berada di

²⁶ Ab Aziz bin Mohd Zin, *Op. Cit.*, h. 222-226.

barisan hadapan menjadi para pejuang untuk terus menyebarkan Islam. Orang-orang yang lemah dan derhaka pula perlu diseru untuk kembali ke pangkal jalan dan menjadi contoh kepada yang lain. Itulah dakwah ke dalam. Orang-orang bukan Islam juga perlu didekati dan dimaklumkan tentang agama Islam untuk membolehkannya mempunyai peluang berada di jalan yang lurus yang ditaja oleh pencipta mereka sendiri. Ia diistilahkan sebagai dakwah ke luar dengan metodologinya yang tersendiri. Dengan demikian semua pihak akan dapat menikmati suatu cara hidup yang menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.